

27 NOV 2001

PARLIMEN: JAWATAN MENTERI KEWANGAN TERUS DIPEGANG DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 27 Nov (Bernama) -- Jawatan Menteri Kewangan akan terus dipegang oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad buat masa ini, kata Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tengku Datuk Adnan Tengku Mansor.

Beliau menyatakan demikian semasa menjawab soalan Saupi Daud (Keadilan-Tanah Merah) pada persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Tengku Adnan berkata jawatan itu akan dipegang oleh Dr Mahathir sehinggalah ada keputusan lain dibuat.

Saupi telah bertanya sama ada Perdana Menteri bercadang untuk memegang jawatan Menteri Kewangan selama-lamanya atau jawatan tersebut tidak dapat diisi kerana tidak ada calon yang layak.

-- BERNAMA

SHS NZ NMO